

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24/4/2012

Budaya minat membaca mesti sentiasa dipupuk

Azrul Affandi Sobry

azr@bharian.com.my



MEMBACA itu jambatan ilmu. Suka atau tidak, tiada siapa boleh mempertikaikan melalui pembacaan, banyak yang boleh dipelajari, malah sumber maklumat dalam pelbagai cakupan bidang ada dalam jutaan bahan penulisan yang boleh diperoleh di segenap pelosok dunia.

Ia sekali gus memberi gambaran betapa bahan penulisan adalah begitu penting dalam membentuk tamadun manusia. Manusia berilmu juga sering diangkat dalam merencana masa depan sesebuah negara. Malah, tidak pula boleh dinafikan, kebanyakan pemimpin negara dan bijak pandai sering meluangkan masa dengan menelaah hasil penulisan orang lain semata-mata untuk menambah pengetahuan.

Minat membaca juga sering disuntik dalam diri kanak-kanak seawal usia mudanya. Semua ibu bapa akan tersenyum bangga jika anak mereka digelar ulat buku sebagai bukti yang mana-mana manusia di seluruh dunia menganggap kecenderungan itu adalah nilai positif yang ada dalam seseorang manusia. Kerana itu juga seluruh dunia meraikan Hari Buku Sedunia pada 23 April setiap tahun.

Hari Buku Sedunia disambut pada hari untuk memperingati pe-

mergian penulis terkenal, William Shakespeare dan Miguel de Cervantes pada 1616. Tanggal 23 April juga sebagai tanggal lahir William Shakespeare pada 1564.

UNESCO menetapkan tarikh itu sebagai Hari Buku Sedunia sebagai bentuk penghormatan bagi kedua tokoh itu yang dikategorikan sebagai penulis dunia yang berjasa dalam bidangnya.

Merujuk kepada minat membaca dalam kalangan penduduk negara ini, mungkin dilihat masih jauh ketinggalan berbanding negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jepun, di mana purata rakyatnya membaca sekitar 20 buku setahun. Namun, realitinya, kesedaran mengenai pentingnya membaca sudah semakin menebal dalam diri rakyat kita.

Jika 20 tahun dulu, purata buku yang dibaca seorang rakyat kita hanya dua buku setahun, kini ia sudah meningkat kepada antara lapan hingga 12 buku setahun, satu petunjuk jelas bahawa dalam rungutan harga buku di pasaran yang mahal, ia tidak pula menghalang minat membaca dan menceduk ilmu daripada bahan bertulis.

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Datuk Raslin Abu Bakar, berkata berdasarkan statistik, jumlah peminjam buku yang menunjukkan peningkatan setiap tahun membuktikan minat membaca juga meningkat selain kajian profil membaca rakyat Malaysia sendiri di mana 12 buku setahun meletakkan negara ini setanding dengan kebanyakan negara Asia.

"Ia banyak dipengaruhi usaha pelbagai pihak dalam memacu minat membaca dalam kalangan rakyat negara ini. Pelbagai kempen berterusan ditambah dengan jumlah perpustakaan yang banyak disediakan di seluruh negara, ia menjadi teras perubahan ketara terhadap gaya pembacaan masyarakat kita.

"Kini, ada lebih 2,000 perpustakaan di seluruh negara, sekali gus memudahkan rakyat kita membaca dan meminjam buku. Selain itu, dalam setahun ada sehingga 8,000 aktiviti berkenaan kesedaran minat membaca untuk orang ramai.

"Malah kami juga sudah menghentikan kempen bulan membaca yang dulu diadakan pada setiap Julai kerana beranggapan membaca bukan sekadar dalam bulan tertentu saja," katanya.

Bagaimanapun, sesuatu yang merisaukan sebenarnya kerana meskipun minat membaca dalam kalangan rakyat negara ini semakin meningkat, namun jika dilihat kepada statistik jenis bahan bacaan, jelas kecenderungan rakyat kita adalah memilih bahan berbentuk novel dan fiksyen serta sangat kurang yang memilih bahan akademik atau ilmu.

Sepanjang tahun lalu saja, lebih 43 peratus peminjam bahan bacaan di Perpustakaan Negara memilih fiksyen atau novel dengan peminjam kanak-kanak mendominasi pembaca di khutub ilmiah itu, mengatasi peminjam dewasa yang sebelum ini menjadi monopoli pembaca.

Tahun lalu, lebih sejuta buku di-

pinjam pembaca dengan peminjam kanak-kanak sebanyak 548,600 sedangkan peminjam dewasa hanya lebih 485,000, sekali gus menunjukkan kecenderungan membaca kini mula beralih arah kepada kanak-kanak, namun tidak pula dapat dipastikan adakah kecenderungan itu seimbang dengan isi bahan bacaan yang sewajarnya.



"Masalah ini adalah pada penerbit sendiri. Mereka lebih cenderung menghasilkan bahan bacaan bukan akademik kerana ia lebih mendapat sambutan," katanya.

Bagi Ketua Pengarah Dewan Bahasa Pustaka (DBP), Dr Awang Sariyan, tiada keseimbangan dalam pemilihan jenis bahan bacaan menjadikan senario gaya pembacaan di negara ini begitu membimbangkan, menyebabkan kita jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negara maju.

"Membaca itu bukan hobi tetapi satu kewajipan. Malah, dalam Islam, ayat pertama yang diturunkan ialah mengenai tuntutan membaca. Kita tidak nafikan yang jelas ketika ini ada kemajuan dalam penerbitan bahan bacaan tetapi wujud pula satu ketidakseimbangan yang begitu ketara.

"Jelas, minat terhadap bahan bacaan berbentuk hiburan, andaian dan fitnah lebih mendapat sambutan sedangkan bahan ilmu begitu kurang sekali. Kecenderungan penerbit untuk hasilkan bahan sebegini juga kurang disebabkan oleh sambutan yang juga kurang.


"Tamadun negara ini tidak akan maju jika kita tidak fokus kepada



Kini, ada lebih 2,000 perpustakaan di seluruh negara, sekali gus memudahkan rakyat kita membaca dan meminjam buku

Raslin Abu Bakar

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara



penghasilan bahan bacaan ilmiah. Bukan bermaksud penerbit perlu hasilkan bahan yang serius tetapi ia boleh dihasilkan dengan kreatif dan menarik.

"Cuma, isinya ilmu supaya rakyat kita boleh belajar sesuatu, bukan sekadar disogok dengan maklumat palsu atau sekadar fitnah dan andaian," tambah Awang Sariyan.